
**KEPENTINGAN KOKURIKULUM DAN PERKEMBANGAN KEMAHIRAN
INSANIAH PELAJAR INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI:
SATU KERTAS KONSEP**

***The Importance of Co-Curricular Activities and The Development of Soft Skills Among
Students in Higher Education Institutions:
A Concept Paper***

Syed Abrar Syed Ahmad Zawawi¹, Erwan Ismail², Hafzan Ariffin², Ahmad Khairulanam
Mohamad³, Sharifah Salsabila Syed Ahmad Zawawi⁴ & Nurul Syahada Muhamad Sabri¹

¹Fakulti Teknologi dan Kejuruteraan Elektrik, Universiti Teknikal Malaysia Melaka, 76100
Durian Tunggal, Melaka.

²Pusat Pembelajaran Bahasa, Universiti Teknikal Malaysia Melaka, 76100 Durian Tunggal,
Melaka.

³SMK. Wangsa Melawati, 53300 Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur.

⁴Faculty of Mechanical Technology and Engineering, Universiti Malaysia Perlis, 02600,
Arau, Perlis

*Corresponding Author: erwan.ismail@utem.edu.my

Published online: 30 Julai 2025

To cite this article (APA): Mohamad, A. K. ., Syed Ahmad Zawawi, S. S. ., Muhamad Sabri, N. S. ., Syed Ahmad Zawawi, S. A. ., Ismail, E. ., & Ariffin, H. . (2025). Kepentingan Kokurikulum dan Perkembangan Kemahiran Insaniah Pelajar Institusi Pendidikan Tinggi: Satu Kertas Konsep. Jurnal Sains Sukan & Pendidikan Jasmani, 14(Isu Khas), 8-19. <https://doi.org/10.37134/jsspj.vol14.sp.2.2025>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/jsspj.vol14.sp.2.2025>

Abstrak

Kertas konsep ini membincangkan kepentingan penglibatan pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) dalam aktiviti kokurikulum sebagai medium memperkasa kemahiran insaniah (KI) dalam kalangan pelajar. Dalam era globalisasi dan dunia pekerjaan yang semakin kompetitif, majikan bukan sahaja menilai kelayakan akademik graduan, malah lebih menekankan kepada kemahiran insaniah seperti kepimpinan, komunikasi berkesan, pemikiran kritis, kerja berpasukan dan pembelajaran sepanjang hayat. Aktiviti kokurikulum di IPT memainkan peranan penting dalam menyokong pembangunan menyeluruh pelajar dengan menyediakan ruang untuk mereka meneroka potensi diri, membina keyakinan, dan memupuk nilai murni. Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia telah menggariskan tujuh elemen utama KI dan lapan teras kokurikulum sebagai panduan pembangunan pelajar holistik. Melalui kajian literatur dan rujukan kepada model Hierarki Penghalang Masa Lapang oleh Crawford dan Godbey (1987), kertas ini mencadangkan hubungan antara faktor penglibatan pelajar dalam kokurikulum dan tahap perkembangan kemahiran insaniah mereka. Faktor-faktor intrapersonal, interpersonal dan struktur dikenal pasti sebagai penyumbang utama dalam menentukan kadar penglibatan pelajar. Kertas ini diharapkan dapat menjadi rujukan kepada pentadbiran IPT, pensyarah serta pihak penggubal dasar dalam merangka pendekatan strategik bagi meningkatkan penyertaan pelajar dalam aktiviti kokurikulum. Kesedaran terhadap impak positif

kokurikulum terhadap pembangunan KI perlu diperkukuh agar graduan IPT mampu bersaing di peringkat kebangsaan dan antarabangsa sebagai modal insan berkualiti.

Kata kunci: kokurikulum, kemahiran insaniah, perkembangan KI, IPT, kebolehpasaran graduan

Abstract

This concept paper discusses the importance of student involvement in co-curricular activities at higher education institutions (HEIs) as a medium to empower soft skills (SS) among students. In the era of globalization and an increasingly competitive job market, employers not only assess the academic qualifications of graduates but place greater emphasis on soft skills such as leadership, effective communication, critical thinking, teamwork, and lifelong learning. Co-curricular activities at HEIs play a vital role in supporting students' holistic development by providing opportunities for them to explore their potential, build confidence, and cultivate positive values. The Ministry of Higher Education has outlined seven core elements of soft skills and eight pillars of co-curricular activities as a guide for holistic student development. Through a review of literature and reference to the Leisure Constraints Hierarchy Model by Crawford and Godbey (1987), this paper proposes a connection between factors influencing student participation in co-curricular activities and the level of their soft skill development. Intrapersonal, interpersonal, and structural factors are identified as key contributors in determining the extent of student involvement. This paper is intended to serve as a reference for HEI administrators, lecturers, and policy makers in formulating strategic approaches to enhance student participation in co-curricular activities. Awareness of the positive impact of co-curricular activities on soft skill development must be strengthened to ensure that HEI graduates are able to compete both nationally and internationally as high-quality human capital.

Keywords: co-curricular, soft skills, SS development, HEIs, graduate employability

PENDAHULUAN

Isu kebolehpasaran pelajar kini diperkatakan hebat di peringkat negara dan dunia. Permasalahan ini dikaitkan dengan keberhasilan pelajar yang merupakan cerminan kepada keberhasilan modal insan yang dibina oleh sesebuah negara. Modal insan yang terbaik adalah mampu menjadi tenaga kerja yang boleh memberi keberhasilan yang tinggi kepada negara. Untuk menghasilkan modal insan yang terbaik, setiap pelajar seharusnya dilengkapi dengan pengetahuan akademik yang tinggi dan kemahiran tambahan yang terbaik. Hal ini bertepatan dengan Sattar et al. (2013) yang menyatakan bahawa sumber manusia yang baik adalah tenaga kerja yang mempunyai kemahiran akademik dan kemahiran *employability*.

Kebolehpasaran pelajar kini juga tertumpu kepada kebolehan pelajar dalam menguasai kemahiran tambahan seiring dengan kehendak majikan. Dewasa ini, majikan di sektor awam mahupun sektor swasta sangat menitik beratkan aspek kemahiran insaniah (KI) yang dimiliki oleh graduan untuk menjawat jawatan yang disediakan. Malah, kegagalan menyiapkan diri dalam aspek KI ini boleh menjejaskan kebolehpasaran seseorang graduan Hazilah et al. (2013). Hal ini dikaitkan kerana, pihak majikan kini lebih cenderung untuk mencari bakal pekerja yang memiliki pelbagai kemahiran tanpa perlu memberi latihan dalam perkhidmatan Hanum et al. (2014). Ini menunjukkan bahawa, kemahiran tambahan sangat penting untuk dikuasai oleh setiap pelajar dan tidak hanya berfokuskan kepada pencapaian akademiknya sahaja.

Dalam menangani permasalahan ini, dua elemen utama iaitu kurikulum dan kokurikulum yang diterapkan ke dalam diri pelajar harus diteliti kembali. Kurikulum dan kokurikulum merupakan dua komponen utama dalam pembangunan modal insan yang seimbang dari segi aspek jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial yang seiring dengan kehendak Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK). Kedua-dua elemen ini bergerak bersama dalam membentuk dan menyediakan mahasiswa yang kompeten. Menurut Rosnida dan Farah (2016) bahawa kokurikulum mempunyai peranan dan pengaruh yang sama, sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam pembangunan individu. Kokurikulum juga merupakan satu elemen yang terpenting bagi melengkapkan hasil daripada kurikulum itu sendiri.

Selain itu, kokurikulum juga memainkan peranan penting dalam semua aktiviti pengajaran dan pembelajaran.

Wardatul dan Nooraini (2014) menyatakan bahawa aktiviti kokurikulum bukan sahaja menjurus kepada aktiviti sukan dan permainan sahaja. Aktiviti kokurikulum ini juga merupakan lanjutan daripada proses pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah Fazli et al. (2013). Aktiviti kokurikulum merupakan penglibatan pelajar dalam mana-mana aktiviti di luar bilik darjah yang mendatangkan hasil kepada perkembangan diri yang boleh dikira sebagai aktiviti yang dapat didedahkan secara tidak langsung dengan KI. Pihak Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) telah mengkategorikan tujuh elemen KI yang harus dikuasai oleh setiap pelajar di peringkat IPT. Dalam menerapkan KI ke dalam aktiviti kokurikulum yang dijalankan di IPT, pihak KPT juga telah mengkategorikan aktiviti-aktiviti kokurikulum kepada lapan teras utama.

KOKURIKULUM IPT

Menurut Wardatul dan Noraini (2014) terdapat banyak aktiviti yang melibatkan kokurikulum antaranya ialah projek khidmat masyarakat, latihan amali, penglibatan dalam persatuan, pembentukan organisasi, terlibat dengan sukan dan menghadiri sesuatu program ataupun pertandingan. Selain itu juga, aktiviti kokurikulum juga merupakan aktiviti luar atau gerak kerja bercorak pendidikan yang menyediakan pengalaman pembelajaran kepada pelajar. Aktiviti kokurikulum merupakan lanjutan daripada proses pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah (Mohd Fazli, Suhaida, & Soaib, 2013). Menurut Jamaludin et al. (2009) kokurikulum di peringkat IPT mempunyai lapan teras yang harus diambil perhatian yang telah digariskan oleh KPT (2009) di peringkat IPT. Lapan teras seperti berikut;

Teras Sukan

Teras sukan adalah aktiviti kokurikulum yang melibatkan aktiviti sukan dan pergerakan fizikal seperti permainan badminton, bola sepak, ping pong, bola tampar, bola jaring dan sebagainya. Aktiviti sukan ini boleh dinilai dari peringkat kolej sehingga ke peringkat antarabangsa.

Teras Kebudayaan

Teras kebudayaan merupakan aktiviti yang melibatkan Teras kebudayaan merupakan aktiviti yang boleh memberikan peluang kepada remaja untuk menguasai bidang kemahiran profesional kebudayaan dan kesenian yang akan menjana pembangunan jati diri, perwatakan dan keperibadian. Remaja juga akan lebih memahami masyarakat dan budaya setempat agar sifat hormat menghormati antara satu sama lain dapat di pupuk dan diperkukuhkan di dalam diri mereka.

Teras Daya Usaha dan Inovasi

Daya kreativiti dan inovasi masih belum dimasyarakatkan. Justeru, usaha ini harus dipupuk dan disemai dikalangan remaja agar pembudayaan kreativiti dan inovasi ini dapat disegarkan. Sifat untuk hanya menerima sudah tidak relevan pada masa kini dan seharusnya usaha untuk mewujudkan idea-idea yang baru dan berinovasi dipasakkan di dalam diri remaja.

Teras Pengucapan Awam

Pengucapan awam adalah satu garapan sains kemanusiaan dan seni bujukan yang diterjemahkan dalam bentuk komunikasi berkesan dan menarik Jamaludin et al, (2011). Komunikasi yang berkesan penting dalam setiap organisasi agar penyampaian maklumat dapat disampaikan dengan tepat.

Teras Kesukarelawanan

Mendidik remaja melakukan sesuatu pekerjaan secara sukarela adalah tidak mudah. Walaubagaimanapun, sekiranya dilatih dengan kerap maka melakukan sesuatu pekerjaan tanpa disuruh akan menjadi lebih mudah. Kesukarelawanan akan menjadikan remaja lebih berani ketika berhadapan dengan masyarakat kerana jiwa kesukarelawanan tanpa mengharapkan upah telah sebatikan dalam diri mereka.

Teras Khidmat Komuniti

Khidmat komuniti penting dipupuk dalam diri remaja. Remaja yang biasa melakukan kerja-kerja komuniti akan menjadikan mereka lebih bertanggungjawab terhadap diri sendiri dan masyarakat sekitar. Golongan ini juga akan lebih yakin terhadap diri mereka walau dimana jua mereka berada.

Teras Keusahawanan

Aktiviti keusahawanan dalam kalangan remaja adalah kurang memberangsangkan. Justeru, KPT telah mengambil langkah untuk memupuk semangat niaga dalam kalangan remaja di institusi pengajian tinggi. Penggubalan modul keusahawanan di IPT adalah untuk menarik minat pelajar untuk mencambahkan minda keusahawanan dalam kalangan remaja kerana sesetengah remaja mempunyai minat yang mendalam di dalam bidang perniagaan tetapi tidak tahu bagaimana hendak menyalurkannya. Justeru, dengan adanya teras keusahawanan di IPT membolehkan mereka menggunakan bakat yang ada untuk memperkembangkan lagi kemahiran dalam perniagaan ini.

Teras Kepimpinan

Kepimpinan perlu ada dalam diri setiap individu. Walaubagaimanapun, kebolehan ini masih boleh di semai, di bina dan dimantapkan dengan adanya kursus dan aktiviti yang melibatkan aspek ini di IPT. Menurut KPT terdapat empat subteras utama modul kepimpinan iaitu Kepimpinan MPP atau Majlis Perwakilan Pelajar, kepimpinan fakulti, kolej kediaman dan persatuan.

KEMAHIRAN INSANIAH IPT

Menurut Kementerian Pengajian Tinggi (2006), kemahiran insaniah merangkumi aspek-aspek kemahiran generik yang melibatkan elemen kognitif yang berkaitan dengan kemahiran bukan akademik seperti nilai positif, kepimpinan, kerja berpasukan, komunikasi dan pembelajaran berterusan. Manakala kemahiran generik merupakan kemahiran umum tentang kualiti, kebolehan dan ciri-ciri yang membolehkan seseorang berfungsi dan memberi sumbangan secara berkesan dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi, berkomunikasi, berfikir secara kreatif dan kritis serta bertindak sebagai anggota kerja berpasukan yang berkesan. Tujuh elemen kemahiran insaniah yang ditetapkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPTM). Tujuh elemen kemahiran insaniah adalah seperti berikut;

Kemahiran berkomunikasi

Kemahiran komunikasi merupakan aset utama yang dinilai oleh bakal majikan pada hari ini. Graduan yang kurang mahir di dalam bidang ini akan menghadapi masalah untuk memasarkan diri mereka apabila bergraduasi nanti. Justeru itu, amatlah penting kepada setiap graduan untuk memantapkan diri mereka dengan kemahiran komunikasi ini agar diri mereka lebih bernilai dipasaran kerjaya apabila tamat pengajian nanti.

Pemikiran kritis dan penyelesaian masalah

Memiliki kepintaran belum cukup. Ramai orang yang pintar tetapi tidak memiliki kemahiran berfikir. Malah ramai orang yang mempunyai kepintaran tidak pandai untuk berfikir. Ramai orang yang pintar terjerumus dalam perangkap kepintaran. Untuk melahirkan seseorang individu yang mahir berfikir, seseorang itu mestilah mampu untuk berfikir secara kritis. Penyelesaian masalah pula adalah apa yang dilakukan untuk menyelesaikan sesuatu masalah. Ia berlaku apabila seseorang berdepan dengan suatu masalah dan individu yang terlibat tidak pasti bagaimana untuk menyelesaikan masalah tersebut.

Kemahiran kerja berpasukan.

Kerja berpasukan merupakan kaedah yang amat berkesan dalam membantu pelajar mencapai kejayaan dan kecemerlangan akademik. Ini adalah disebabkan melalui kaedah kerja berkumpulan ini para pelajar mampu untuk melakukan banyak perkara dalam jangka masa yang singkat. Daya ingatan para pelajar akan bertambah kuat serta mampu untuk bertahan lama, kerana kaedah-kaedah kerja berpasukan ini mampu melatih minda dan pemikiran pelajar untuk sentiasa berfikir dan bertukar-tukar pandangan dan idea antara mereka yang terlibat di dalam kumpulan perbincangan tersebut. Otak dan pemikiran pelajar akan menjadi lebih aktif dan mempunyai daya ingatan yang diperolehi semasa perbincangan tersebut.

Pembelajaran sepanjang hayat

Menuntut ilmu adalah satu keperluan asas yang perlu bagi semua bangsa di dunia ini tanpa mengira agama dan keturunan. Senario ini menjadi lebih penting terutamanya di era globalisasi yang berteraskan kepada ilmu pengetahuan. Pembelajaran sepanjang hayat dan berterusan melibatkan usaha belajar berdikari dalam mencapai pengetahuan baru. Terdapat tiga tahap pembelajaran sepanjang hayat: (i) kebolehan mencari dan mengurus maklumat yang relevan daripada pelbagai bidang, (ii) kebolehan menerima idea baru dan berkeupayaan untuk pembelajaran autonomi, dan (iii) kebolehan mengembangkan minda ingin tahu dan dahagakan ilmu.

Kemahiran keusahawanan.

Keusahawanan juga boleh dikatakan sebagai minat, komitmen dan usaha dalam meneroka peluang dan membina kesedaran tentang risiko serta mempunyai daya kreativiti dan inovasi yang diterjemahkan kepada perniagaan. Kegiatan keusahawanan bermaksud satu proses memupuk dan melahirkan pelajar dengan budaya berniaga. Terdapat empat kemahiran utama yang perlu ada pada seseorang usahawan iaitu: (i) kemahiran pengurusan, (ii) kemahiran menyatakan tidak, (ii) kemahiran pengurusan tanggapan pertama dan yang terakhir (iv) kemahiran pengurusan masa.

Etika dan moral professional.

Etika bermaksud prinsip-prinsip bertingkah laku yang mengawal individu dan sebagai satu asas tingkah laku. Etika berkaitan dengan konsep yang dimiliki oleh individu ataupun kelompok untuk menilai tindakan yang dilakukan itu samada salah atau betul, buruk atau baik. Manakala nilai merupakan pegangan yang mendorong seseorang atau organisasi untuk bertindak. Nilai dapat dikategorikan berasaskan agama, budaya, etika dan juga moral. Nilai murni yang sepatutnya dipegang oleh seseorang pelajar adalah seperti adil pada diri sendiri, amanah pada ilmu pengetahuan, bertanggungjawab pada masyarakat, ikhlas pada diri sendiri, dedikasi pada kehidupan, tekun menimba pengalaman dan berdisiplin membentuk personaliti unggul.

Kemahiran kepimpinan

Kepimpinan di dalam kehidupan seorang pelajar tidak dapat dipisahkan. Pelajar secara umumnya merupakan seorang pemimpin sama ada sebagai pemimpin kepada dirinya sendiri ataupun pemimpin kepada masyarakat pelajar yang lain. Walau bagaimanapun tidak ramai di antara pelajar yang menyedari senario ini. Pelajar pada umumnya masih beranggapan bahawa pemimpin ialah seorang yang mempunyai jawatan ataupun kedudukan di dalam organisasi sama ada melibatkan pelajar atau sebaliknya.

KERANGKA KONSEPTUAL KAJIAN



Rajah 1: Kerangka konseptual

Rajah 1 menunjukkan kerangka konseptual kajian tahap penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum dan perkembangan kemahiran insaniah pelajar di IPT yang di ubah suai daripada KPM (2006; 2009). Selain itu, kerangka konseptual ini juga didasari oleh model hirarki penghalang masa lapang (*The Hierarchical of leisure constraint*) oleh Crawford dan Godbey (1987). Kerangka konseptual ini menunjukkan perkembangan kemahiran insaniah bermula daripada tiga faktor penglibatan yang dikenalpasti. Seterusnya, melalui penglibatan dalam aktiviti kokurikulum akan memberikan hasil kepada perkembangan tahap kemahiran insaniah pelajar itu sendiri.

KONSEP DAN TEORI PENGLIBATAN

Penglibatan individu berkait rapat dengan kapasiti polisi dan amalam dalam sistem pendidikan. Penglibatan pelajar juga dilihat dari tiga aspek, iaitu kognitif, intelektual atau akademik Yazzie-Mintz. (2007; 2009; 2011). Penilaian tahap penglibatan dalam aktiviti kokurikulum juga menurut KPM (2011) telah merujuk kepada empat aspek utama. Aspek tersebut adalah: i) Kehadiran. ii) Jawatan yang disandang. iii) Penglibatan. iv) Pencapaian.


Astin (1984) menyatakan tahap penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum ialah sejauh mana interaksi fizikal dan psikologi dalam mendapatkan pengalaman dari aktiviti tersebut. Beliau telah mengakui bahawa terdapat lima unsur penting dalam menilai tahap penglibatan pelajar iaitu: (i) Penglibatan tenaga fizikal dan psikologikal dalam objek yang bervariasi. (ii) Penglibatan berlaku sepanjang masa. (iii) Penglibatan melibatkan bentuk kualitatif dan kuantitatif. (iv) Penglibatan individu

adalah berkait rapat dengan mana-mana program pendidikan. (v) Penglibatan individu berkait rapat dengan kapasiti polisi dan amalan dalam sistem pendidikan. Selain itu juga, beliau turut mengaitkan bahawa penglibatan seseorang individu dalam aktiviti akan menentukan peranan individu tersebut dalam perkembangan sendiri mereka sendiri. Teori yang dikemukakan olehnya sebelum ini telah diolah kembali pada tahun 1999 dalam jurnalnya yang bertajuk “*Student involvement: A developmental theory for higher education*”.

FAKTOR PENGLIBATAN PELAJAR DALAM AKTIVITI KOKURIKULUM

Keterlibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum dipengaruhi oleh beberapa faktor. Antara faktor yang terlibat adalah faktor Intrapersonal, faktor Interpersonal, dan faktor struktur. Ketiga-tiga faktor tersebut merupakan faktor penglibatan individu dalam masyarakat terhadap sesuatu aktiviti (Dong & Chick, 2005). Selain itu juga, kajian oleh Bahari (2007) telah menyatakan bahawa faktor struktur, intrapersonal dan juga interpersonal memang mempengaruhi penyertaan dan penglibatan pelajar dalam kokurikulum. Menurut Crawford dan Godbey (1987) menyatakan terdapat tiga faktor penglibatan di dalam hirarki penghalang masa lapang yang menjadi faktor kepada ketidak terlibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum. Faktor-faktor penglibatan tersebut ialah: (i) Faktor intrapersonal; (ii) Faktor interpersonal; dan (iii) Faktor struktur.

Faktor-faktor ini dipersetujui oleh penyelidik di Amerika Utara yang mengkaji tentang faktor penghalang penglibatan masyarakat menyertai aktiviti riadah Dong & Chick, (2005). Melalui Grey *et. al* (2002), faktor penglibatan yang utama ialah intrapersonal, diikuti oleh interpersonal dan akhir sekali ialah struktur. Model konsep ini digunakan untuk memperjelaskan apakah faktor mendorong penglibatan aktif pelajar terhadap aktiviti kokurikulum (Dong & Chick, 2005)



Rajah 2: Model Hirarki Penghalang Masa Lapang Crawford dan Godbey (1987)

Faktor Intrapersonal

Faktor batasan intrapersonal dikaitkan dengan keadaan psikologi individu, fungsi fizikal individu atau keupayaan kognitif (Hall & Brown, 2006). Kenyataan ini disokong oleh Bahari (2007), yang menyatakan bahawa faktor intrapersonal merupakan faktor yang melibatkan keadaan psikologi individu yang menyebabkan individu itu sendiri menjadi penghalang penglibatannya. Faktor ini adalah merangkumi budaya, tekanan, sikap individu itu sendiri, kebimbangan, keagamaan, serta kemampuan dan kemahiran diri yang dimiliki oleh individu itu sendiri. Malah faktor intrapersonal yang melibatkan personaliti dan sosial individu boleh menyebabkan individu dihalang dalam menyertai sesuatu aktiviti.

Faktor Interpersonal

Faktor kedua ialah faktor interpersonal. Menurut Bahari (2007), beliau menyatakan faktor interpersonal ini yang melibatkan hubungan ataupun interaksi antara individu. Penyataan ini diterangkan lagi oleh Grey *et al.* (2002), dengan mengatakan bahawa halangan dari segi faktor interpersonal boleh berlaku di

antara jaringan interaksi sosial antara individu, penyediaan perkhidmatan atau orang yang asing bagi individu, atau tidak mempunyai rakan yang sesuai dalam menceburi sesuatu bidang ataupun sesuatu aktiviti. Faktor interpersonal juga merangkumi faktor yang melibatkan rakan sebaya dan juga ibu bapa. Secara kesimpulannya faktor interpersonal merupakan faktor yang menghalang penglibatan pelajar dari menyertai kokurikulum (sukan) disebabkan menghadapi masalah untuk berkomunikasi dan berinteraksi dengan orang lain selain diri sendiri.

Faktor Struktur

Faktor yang pertama ialah faktor struktur. Faktor struktur merujuk kepada faktor kemudahan, masa, maklumat, wang dan peralatan Mohd Jaflus Bahari (2007). Pendapat ini disokong oleh Grey et al. (2002) dengan menambah bahawa faktor struktur juga merangkumi taraf kehidupan keluarga, peluang, musim dan kos (*Family Life Circle, opportunity, season and cost*). Lazimnya faktor struktur mewakili interaksi di antara keutamaan masa lapang dan kekangan masa lapang Grey et al. (2002). Kemudahan bermaksud fasiliti yang disediakan dan akan digunakan dalam sesuatu kegiatan kokurikulum. Tempat latihan yang bersesuaian yang khas disediakan untuk menjalankan latihan, untuk melakukan perjumpaan pasukan, kemudahan yang dapat menampung pelajar yang ramai, kemudahan yang dijaga dengan betul menyebabkan fungsi kemudahan tersebut berkesan, kemudahan yang disediakan mempunyai ciri-ciri keselamatan dan sebagainya. Maka jika kemudahan yang disediakan oleh pihak kokurikulum adalah baik, ia mendorong penglibatan pelajar secara aktif untuk menyertai kegiatan kokurikulum yang dijalankan.

KEPENTINGAN KOKURIKULUM

Aktiviti kokurikulum penting dalam membantu melengkapkan dan memperkukuhkan proses pembelajaran di dalam bilik darjah, di samping dapat menunjukkan perubahan tingkah laku serta mempengaruhi sahsiah pelajar. Aktiviti kokurikulum adalah jelas boleh menambah pengalaman penting dan kemahiran kepada pelajar Reaves et al. (2010). Kepentingan kokurikulum dalam pendidikan juga telah ditekankan sejak dahulu lagi oleh para cendekiawan. Pada zaman Renaissance, Vittoria da Feltre (1378-1446), seorang guru yang agung dan ahli kemanusiaan terkenal dari Itali telah menyuarakan bahawa pendidikan tidak akan lengkap sekiranya aktiviti praktikal seperti sukan dan permainan tidak dimuatkan ke dalam kurikulum sekolah. Pandangan itu dipersetujui dan diaplikasikan dalam pendidikan tahun demi tahun, cuma bezanya sejauh mana ia dilaksanakan secara serius di sekolah-sekolah Nor Suhara (2010). Hal ini dikukuhkan lagi melalui Mohd Fazli et al. (2013) bahawa penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum penting bagi memastikan tujuan aktiviti dan matlamat kokurikulum dapat dicapai. Ahmad dan Hisham (2009) menyatakan bahawa aktiviti kokurikulum yang disertai oleh pelajar mampu meningkatkan keterampilan diri dalam usaha untuk melengkapkan diri dengan pelbagai kemahiran sebelum menempuh alam pekerjaan yang lebih mencabar. Hal ini kerana aktiviti kokurikulum yang dilaksanakan di peringkat IPT mampu menerapkan kemahiran generik untuk persiapan pelajar dalam melahirkan bakal pekerja yang berpotensi bagi memenuhi keperluan industri di Malaysia (Rosnida & Nor Farrah, 2016).

Aktiviti kokurikulum dianggap penting sebagai alat untuk memenuhi hasrat unggul dasar pendidikan kebangsaan, iaitu perpaduan di kalangan pelajar-pelajar yang terdiri dari berbilang kaum. Laporan Jawatankuasa Kabinet (1979) telah menyatakan bahawa semua pelajar hendaklah digalakkan supaya mengambil bahagian yang lebih aktif dalam aktiviti kokurikulum. Setiap pelajar perlu menyertai satu badan beruniform, satu sukan atau permainan dan satu kelab atau persatuan di sekolah. Antara tujuan aktiviti kokurikulum diadakan di sekolah ialah untuk memberi pengalaman kepada pelajar-pelajar yang akan membantu mereka dalam mencapai kehidupan yang sempurna Hassan Adnan & Raja Roslan (2010). Mohd Fazli Hassan (2013) dalam kajiannya juga telah menyatakan bahawa aktiviti kokurikulum adalah penting dalam membantu pelajar melengkapkan dan memperkukuhkan proses pembelajaran di dalam kelas, disamping dapat menunjukkan perubahan tingkah laku serta

mempengaruhi sahsiah dan emosi pelajar. Hubungan aktiviti kokurikulum amat jelas dapat menambah pengalaman penting dan memberikan impak terhadap kemahiran dan tingkah laku pelajar.

PERBINCANGAN & RUMUSAN

Pembangunan dalam bidang pendidikan mempunyai objektif yang sangat memberi kepentingan kepada negara. Kepentingan yang dimaksudkan melalui bidang pendidikan adalah untuk menyediakan modal insan yang berkemampuan serta dapat menghasilkan tenaga kerja yang baik kepada proses pembangunan negara. Dua elemen yang menjadi indikator kepada pembangunan modal insan dari bidang pendidikan adalah melalui aspek kurikulum dan kokurikulum. Aspek kurikulum membekalkan pelajar dengan pengetahuan yang tinggi, manakala melalui aspek kokurikulum pula membekalkan pelajar dengan pengalaman dan kemahiran-kemahiran tertentu. Namun, pelajar kini hanya mementingkan pencapaian akademik (kurikulum) mereka sahaja sehingga sanggup mengetepikan aktiviti tambahan di alam pengajian, sedangkan aktiviti tambahan (kokurikulum) sangat membantu mereka dalam menambah kemahiran *soft skill* yang dituntut oleh pihak majikan. Hal ini bertepatan dengan Mohd Saofiean et al. (2013) bahawa pelajar telah meletakkan tanggapan bahawa kejayaan dalam kehidupan realiti hanya bergantung kepada kejayaan akademiknya sahaja. Dengan meletakkan harapan yang tinggi terhadap pencapaian akademik, pelajar sanggup mengetepikan bidang kokurikulum, sedangkan kokurikulum juga merupakan elemen yang penting. Walaupun pelajar mempunyai kelulusan akademik, usaha untuk memahami dan memperoleh kemahiran tambahan merupakan kunci utama yang dapat menarik minat majikan untuk memberi peluang pekerjaan kepada pelajar.

Permasalahan ini juga berpunca adalah kerana minat pelajar terhadap aktiviti kokurikulum di IPT adalah rendah. Menurut Yusof (2013), mahasiswa turut mengatakan bahawa, program-program yang dianjurkan tidak menimbulkan minat mereka untuk menyertai program tersebut. Bagi mahasiswa yang tidak aktif, mereka sememangnya tidak berminat untuk menyertai mana-mana program terutamanya yang diluar bidang pengajian mereka dan bercampur dengan mahasiswa dari institusi dan bidang lain. Bagi mereka, program-program tersebut adalah tidak perlu kerana mengikuti kursus pengajian akademik adalah sudah memadai. Tetapi, kita harus sedar bahawa walaupun pelajar mempunyai sekeping sijil atau segulung ijazah, kemahiran tambahan yang lain merupakan kunci utama yang dapat menarik minat majikan untuk memberi peluang pekerjaan kepada pelajar. Dua bidang kemahiran yang di maksudkan adalah kemahiran *hard skills* dan *soft skills* (Mohd Saofiean et al.,2013).

Kokurikulum mempunyai kepentingannya tersendiri yang memerlukan. setiap pelajar perlu menyertai satu badan beruniform, satu sukan atau permainan dan satu kelab atau persatuan di sekolah. Antara tujuan aktiviti kokurikulum diadakan di sekolah ialah untuk memberi pengalaman kepada pelajar-pelajar yang akan membantu mereka dalam mencapai kehidupan yang sempurna. Hassan Adnan & Raja Roslan (2010). Mohd Fazli Hassan (2013) juga menyatakan bahawa aktiviti kokurikulum penting dalam membantu pelajar melengkapkan dan memperkukuhkan proses pembelajaran di dalam kelas, disamping dapat menunjukkan perubahan tingkah laku serta mempengaruhi sahsiah dan emosi pelajar. Hubungan aktiviti kokurikulum amat jelas dapat menambah pengalaman penting dan memberikan impak terhadap kemahiran dan tingkah laku pelajar.

Pelajar-pelajar yang mengambil bahagian dalam kokurikulum aktiviti bukan sahaja lebih baik akademik daripada pelajar yang tidak, malah, dilihat melalui aspek personaliti mereka seperti keyakinan diri, kerjasama sosial, dan kemahiran kepimpinan. Pelajar-pelajar yang terlibat dalam aktiviti kokurikulum dapat mempertingkatkan lagi dan memperkayakan akademik dan kemahiran mereka yang sedia ada kemahiran melalui pertandingan dan simulasi sebenar (Haensly, Lupkowsky, & Edlind, 1986). Aktiviti kokurikulum memupuk kejayaan pada masa akan datang. Hal ini kerana, penyertaan di Institusi Pengajian Tinggi sering menjadi titik tolak pembangunan kerjaya di tempat kerja, dan di dalam masyarakat (NFHS, 1999). Aktiviti kokurikulum dilihat dapat membantu menggalakkan pencapaian peribadi individu serta pembangunan kemahiran interpersonal (Wagner, 1999).

Tujuan aktiviti kokurikulum diadakan di universiti ialah untuk memberi pengalaman kepada pelajar- pelajar yang akan membantu mereka dalam mencapai kehidupan sempurna Bahari (2010).

Menurut Fauzee et al. (2002) berpendapat kokurikulum merupakan suatu pelengkap kepada kehendak dan keperluan kurikulum iaitu menyediakan peluang kepada pelajar untuk menambah, mengukur dan mengamalkan kemahiran, pengetahuan dan nilai-nilai yang telah dipelajari di bilik darjah. Menurut Mohd Salleh et al. (2010) menyatakan kemahiran insaniah adalah merupakan kemahiran yang dimiliki oleh seseorang untuk berfungsi dengan berkesan sewaktu melakukan aktiviti atupun pekerjaan mengikut kemahiran khusus yang dimiliki. Kemahiran Insaniah juga merangkumi aspek-aspek kemahiran generik yang melibatkan elemen kognitif yang berkaitan dengan kemahiran bukan akademik seperti nilai positif, kepemimpinan, kerjasama pasukan, komunikasi dan pembelajaran berterusan (Rosli Saadan et al., 2011).

Selain itu, tahap penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum juga dipengaruhi oleh beberapa faktor. Faktor yang mempengaruhi penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum adalah: (i) Faktor struktur, (ii) Faktor interpersonal, dan (iii) Faktor intrapersonal. Bahari (2007) telah menyatakan bahawa faktor struktur, intrapersonal dan juga interpersonal memang mempengaruhi penyertaan dan penglibatan pelajar dalam kokurikulum. Hal ini kerana, kajian yang dijalankan beliau mengenai faktor-faktor yang menghalang penglibatan pelajar dalam kegiatan kokurikulum telah mendapati faktor utama yang menghalang pelajar daripada menyertai aktiviti kokurikulum ialah faktor struktur. Ini kerana peralatan yang digunakan untuk aktiviti kokurikulum hanya boleh digunakan pada waktu tertentu sahaja. Malahan peralatan untuk aktiviti kokurikulum ini adalah tidak mencukupi kerana tidak dapat menampung keperluan penggunaan bagi pelajar yang ramai. Selain itu, dalam mengenalpasti persepsi, minat dan faktor-faktor penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum mendapati faktor utama yang mempengaruhi penglibatan pelajar dalam kokurikulum ialah faktor intrapersonal yang memperlihatkan bahawa pengaruh ibu bapa, diikuti faktor rakan sebaya dan akhir sekali ialah faktor guru. Faktor intrapersonal pula adalah merupakan faktor yang dikaitkan dengan keadaan psikologi individu, fungsi fizikal individu atau keupayaan kognitif Hall & Brown (2006).

Keterlibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum menjadi satu sasaran yang harus di capai berikutan kepintangan dan kemampuan aspek tersebut dalam membekalkan KI kepada pelajar IPT. KI di IPT merupakan satu kemahiran umum yang diperlukan dalam kehidupan khususnya di alam pekerjaan. Oleh yang sedemikian, KI amat diperlukan oleh setiap pelajar di IPT yang bakal menamatkan pengajian dan bergelar graduan dimana mereka akan menempuh alam pekerjaan. Hal ini kerana pihak industri atau majikan menekankan aspek tersebut dalam mengambil pekerja baru atau semasa bekerja. Kepentingan kemahiran generik ini telah mendapat perhatian daripada IPT sama ada di dalam mahupun di luar negara. Menurut Zulkiflee & Aimi (2010), graduan pada masa kini dikatakan tidak mempunyai masalah dalam aspek kemahiran teknikal tetapi mengalami masalah dalam aspek kurangnya keterampilan dalam KI.

Melalui hasil kajian lepas, jelas telah menunjukkan bahawa aspek kokurikulum dalam membantu perkembangan KI pelajar amatlah penting. Tahap penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum haruslah diteliti agar dapat dipastikan bahawa tahap penglibatan pelajar pada tahap yang tinggi. Oleh hal yang demikian, faktor-faktor pendorong dan penghalang kepada keterlibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum haruslah disemak dan diperhalusi. Pihak berwajib haruslah memainkan peranan yang penting dalam memastikan setiap permasalahan yang timbul kepada penghalang untuk pelajar terlibat dengan aktiviti kokurikulum haruslah diselesaikan. Selain itu, pihak berwajib juga mesti mencari alternatif yang berstruktur berdasarkan faktor-faktor penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum agar dapat menyuntik minat kepada golongan pelajar untuk terus menyertai aktiviti kokurikulum sepanjang berada di alam universiti.

Kesimpulannya, penekanan terhadap penglibatan pelajar di IPT dalam aktiviti kokurikulum haruslah dipandang serius oleh pelbagai pihak. Hal ini kerana melalui aktiviti kokurikulum tersebut, pelajar mampu membekalkan diri mereka dengan kemahiran insaniah (KI). Kemahiran insaniah pula merupakan satu tuntutan daripada pihak majikan dimana ianya perlu dikuasai oleh pelajar bagi memastikan mereka diterima di alam kerjaya kelak. Kepentingan kokurikulum dalam memastikan perkembangan KI pelajar tidak lagi dinafikan berdasarkan kajian-kajian lepas. Pihak Kementerian Pengajian Tinggi telah melihat isu ini sangat penting sehinggakan pihak KPT menggariskan lapan teras kokurikulum dan menggariskan tujuh elemen kemahiran insaniah supaya penekanan terhadap teras kokurikulum dan elemen kemahiran insaniah ini dapat dilihat secara berfokus.

Justeru itu, pelajar haruslah sedar bahawa aktiviti kokurikulum sangat penting dan berguna dalam membentuk KI ke dalam diri mereka. Dengan ini diharap agar mahasiswa/i sedar bahawa dengan keterlibatan dalam aktiviti kokurikulum tidak membawa kepada kesan negatif pada diri mereka sedangkan, kesedaran bahawa aktiviti kokurikulum ini membawa impak positif harus disemai dan diterapkan kedalam diri mereka.

PENGHARGAAN

Para penulis ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Pusat Pembelajaran Bahasa, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) atas sokongan yang tidak berbelah bahagi dalam penerbitan penyelidikan ini melalui geran PJP Perspektif (Kod: PJP/2024/PPB/PERINTIS/SA0051).

RUJUKAN

- Ahmad Esa, Hisham Jamaludin (2009). *Peranan Kokurikulum di Universiti Dalam Membentuk Keterampilan Mahasiswa*. Universiti Tun Hussein Onn.
- Astin, A. (1984). *Student Involvement: A Development Theory for Higher Educations Graduate School of Educations*. Los Angeles: University of California.
- Astin, A. W. (1999). *Student involvement: A developmental theory for higher education* (Reprinted from Journal of College Student Development, July, 1984). Journal of College Student Development. Los Angeles: University of California.
- Bahari, M. J. (2007). *Faktor-Faktor Yang Menghalang Penglibatan pelajar Dalam Kegiatan Kokurikulum Sukan Di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Daerah Seremban*. Jabatan Pendidikan Jasmani dan Kesihatan. Maktab Perguruan Islam. Dicapai pada September 25, 2018 di <http://www.ipislam.edu.my/>
- Derek R. Hall & Frances Brown. (2006). *Tourism and welfare: ethics, responsibility and sustained well-being*. CAB International. Dicapai pada Oktober 9, 2018 di <http://books.google.com.my/books/>
- Erwei Dong & Garry Chick. (2005). *Culture constraintson leisure through cross cultural research*. Pennsylvania State University. Dicapai pada Oktober 9, 2018.
- Fauzee, M.S.O, Yusof, Aminuddin, Yusof, B, Che Pah, C.A. & Muzahar, I.M. (2002). *Kepentingan dan Keperluan Aktiviti Kokurikulum*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Grey, L. P., Holland, S., & Tapa, B. (2002). *Assesing the validity of an outdoor recreation constraints model for residents of Florida*. University of Florida. Dicapai pada Oktober 9, 2018 di <http://lin.ca/Uploads/cclr10/CCLR10-89.pdf>
- Hanum Hassan, Razli Ahmad & Lt. Kol. Azuddin Bahari. (2014). *Kemahiran Insaniah dan Kepentingan Penerapannya dalam Program Baktisiswa Perdana UTHM*. Laporan Projek Penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional. Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Hassan Adnan & Raja Roslan Raja Abd. Rahman. (2010). *Keberkesanan Pelaksanaan Aktiviti Fizikal Terhadap Pembangunan Diri Pelajar: Satu Tinjauan*. Melaka: Pusat Bahasa dan Pembangunan Insan, Universiti Teknikal Malaysia.
- Hassan Adnan & Raja Roslan Raja Abd. Rahman. (2010). *Keberkesanan Pelaksanaan Aktiviti Fizikal Terhadap Pembangunan Diri Pelajar: Satu Tinjauan*. Melaka: Pusat Bahasa dan Pembangunan Insan, Universiti Teknikal Malaysia.
- Hazilah Mohd Amin, Johari Jaafar, Zaihosnita Hood, Saidah Saad & Hamizah Mohd Amin. 2013. Kemahiran insaniah pelajar prasiswazah: Analisis perbezaan jantina. *Jurnal Teknologi*. 61 (1): 19-25.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2007; 2009; 2011). *Panduan Penilaian Aktiviti Kokurikulum Sekolah Menengah, Bahagian Sekolah Kementerian Pelajaran Malaysia*. KPM.

- Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. (2006). *Modul pembangunan kemahiran insaniah (soft skills) untuk Institut Pengajian Tinggi Malaysia*. Penerbit Universiti Putra Malaysia, Selangor.
- Mohd Fazli Hasan, Suhaida Abdul Kadir & Soaib Asimiran. (2013). Hubungan Persekitaran Sekolah dengan Penglibatan Pelajar dalam Aktiviti Kokurikulum di Sekolah Menengah (*Relationship School Environment with Students Involvement in Co-Curricular Activities in Secondary Schools*). 38(2): 1-9.
- Mohd Yusof Husaina, Mohamad Sattar Rasulb, Ramlee Mustaphaa, Syed A. Malika, Rose Amnah Abd Rauf. (2013). *Tahap Kemahiran Employability Pelajar Kejuruteraan dari Perspektif Majikan*. Jurnal Teknologi. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perak. Bangi: Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Kuala Lumpur: Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya (UM), Malaysia.
- Marjohan Jamalis & Mohd Sofian Omar Fauze. (2007). *The Journal of Human Resource and Adult Learning Developing Human Value Through Extra Curricular Activities*. 3(1)
- Mohd Fazli Hasan, Suhaida Abdul Kadir & Soaib Asimiran. (2013). Hubungan Persekitaran Sekolah dengan Penglibatan Pelajar dalam Aktiviti Kokurikulum di Sekolah Menengah (*Relationship School Environment with Students Involvement in Co-Curricular Activities in Secondary Schools*). *Jurnal Pendidikan Malaysia*. 38(2): 1-9.
- Mohamad Sattar Rasul, Mohd Yusof Husaina, Ramlee Mustaphaa, Syed A. Malika, Rose Amnah Abd Rauf. (2013). *Tahap Kemahiran Employability Pelajar Kejuruteraan dari Perspektif Majikan*. Jurnal Teknologi. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perak. Bangi: Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Kuala Lumpur: Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya (UM), Malaysia. Corresponding: drsattar@ukm.my.
- Nor Suhara Fadzil & Jamil Ahmad. (2010). *Kepentingan Kokurikulum dalam Pendidikan di Sekolah Menengah*. Proceedings of the 4th International Conference on Teacher Education; Joint Conference UPI & UPSI Bandung, Indonesia. Bangi: Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rosnida Othman, Nur Farrah Azwa Jasni (2016). Faktor Yang Mempengaruhi Penglibatan Pelajar Dalam Aktiviti Kokurikulum di Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah. Jabatan Perdagangan Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah. *Journal of Social Sciences and Humanities*, Vol. 1, 2016 eISSN 0128-2875.
- Wardatul Aishah Musa & Nooraini Othman. (2014). Kesedaran Kendiri Terhadap Aktiviti Kokurikulum Dan Keberkesanannya Kepada Remaja. *Proceeding of the Social Sciences Research ICSSR 2014*. Student Development & Campus Lifestyle. Malaysia: Universiti Kuala Lumpur, Malaysian Institute of Information Technology, UTM Perdana School, Universiti Teknologi Malaysia Kuala Lumpur, Kota Kinabalu, Sabah. (e-ISBN 978-967-11768-7-0). 9-10 June 2014, MALAYSIA. Organized by <http://WorldConferences.net>.
- Yazzie-Mintz, E. (2007). *Voices of students on engagement: A report on the 2006 High School Survey of Student Engagement*. Bloomington: Center for Evaluation & Education Policy, Indiana University: [http://ceep.indiana.edu/hssse/pdf/HSSSE 2006](http://ceep.indiana.edu/hssse/pdf/HSSSE%2006)
- Zulkiflee Haron & Aimi Ayuni Idris (2010). Persepsi Pelajar Terhadap Penerapan Kemahiran Generik Dalam Aktiviti Kokurikulum Di Kalangan Pelajar Tahun Dua Fakulti Pendidikan. Universiti Teknologi Malaysia.